BAB 2

LATAR BELAKANG AMIR HAMZAH

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh latar belakang penyair Amir Hamzah, penulis kumpulan sajak **Nyanyi Sunyi**, yang dikenali juga sebagai Raja Pudjangga Baru. Pengetahuan tentang latar belakang beliau dianggap penting kerana dapat memberi gambaran awal terhadap pembentukan sahsiah dan pemikiran beliau, sehingga terlahirnya puisi-puisi yang bernafaskan ketuhanan.

2.2 Latar Belakang Amir Hamzah

Tengku Amir Hamzah (seterusnya akan disebut sebagai Amir Hamzah) yang berketurunan bangsawan ini dilahirkan di Tanjung Pura, Langkat, Sumatera Utara pada 28 Februari 1911. Ayahandanya, Tengku Haji Adil yang bergelar Tengku Pangeran Bendahara Paduka Raja merupakan anak saudara Almarhum Sultan Langkat yang tua, Sultan Abdul Aziz Abdul Jalil Rahmatshah, manakala bondanya, Tengku Mahajiwa berasal dari daerah Kejeruan Selesai (A.B Husny, 1965: 1).

Amir Hamzah mendapat namanya sempena nama pahlawan Islam yang terbilang, iaitu Amir Hamzah[1]. Menurut H.B Jassin (1969: 19), ayahandanya seorang penggemar sejarah yang sering mengadakan perkumpulan di rumahnya pada waktu malam untuk membaca hikayat-hikayat Melayu lama dan syair-syair. Selain **Hikayat Amir Hamzah**, hikayat lain yang sering dibaca ialah **Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, Bustanus Salatin** dan cerita nabi-nabi (Qusunul Anbia') dalam bahasa Melayu.

Amir Hamzah meninggal dunia dalam keadaan yang amat menyedihkan di Kuala Bingai pada 16 Mac 1946. Beliau mati dipancung oleh puak ekstremis semasa meletusnya Revolusi Sosial di Indonesia pada tahun tersebut.

2.3 Latar Pendidikan dan Kerjaya Amir Hamzah

Amir Hamzah mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Langkat dan HIS (Hollands Inlandse School) Tanjung Pura yang dikenali juga sebagai Sekolah Rendah Indonesia-Belanda. Beliau kemudian melanjutkan pengajian di peringkat menengah pertama di MULO (Meer Uitgebreid Lager Onderwijs) Medan, sebelum berpindah ke MULO Jakarta. Setelah itu, Amir Hamzah menyambung pengajian di peringkat menengah

atasnya di AMS (Algemeene Middelbare School) di Solo sebelum ke Sekolah Hakim Tinggi Jakarta. Bagaimanapun beliau tidak sempat pengajiannya di Jakarta kerana dipanggil pulang oleh Sultan Langkat untuk dikahwinkan dengan puteri sulung baginda, Tengku Puteri Kamaliah (A.B Husny, 1965 : 3)[2].

Anak muda berjiwa seni ini memulakan kerjayanya sebagai Pembantu Setiausaha di pejabat Sultan Langkat, di Tanjung Pura. Selepas beberapa bulan bekerja dan belajar tentang siasah kerajaan, barulah beliau dikahwinkan dengan Tengku Puteri Kamaliah dalam satu upacara penuh adat kebesaran yang gilang-gemilang. Pada ketika itulah juga, beliau dianugerahi gelaran Tengku Pangeran Indera Putera oleh Sultan Langkat.

Selepas berkahwin, Amir Hamzah dilantik menjadi Wakil Kepala Luhak Langkat Hilir di Tanjung Pura, sebelum menjadi Kepala Luhak Teluk Haru di Pangkalan Brandan[3]. Jawatan terakhir yang disandang beliau ialah Kepala Luhak Langkat Hulu, iaitu ketika meletusnya Revolusi Sosial di Indonesia. Revolusi yang melanda seluruh negara itu telah berjaya menumbangkan semua kerajaan di Sumatera Timur pada 3 Mac 1946 dan golongan istana menjadi sasaran puak revolusiner kerana dianggap rakan subahat Belanda.

Semasa revolusi ini, Amir Hamzah dan kebanyakan golongan istana telah ditangkap dan diasingkan di Kebunlada sebelum dipindahkan ke Kuala Bingai. Di tempat inilah riwayat Amir Hamzah dan beberapa orang ahli keluarga Sultan Langkat berakhir di tangan algojo pada 16 Mac 1946[4].

2.4 Keperibadian Amir Hamzah

Sejak kecil, Amir Hamzah gemar membaca syair dan pantun, di samping kitab-kitab agama dan buku-buku kesusasteraan yang berasal dari Parsi dan Hindu (A.B Husny, 1965 : 11). Antara koleksi miliknya ialah **Sejarah Melayu, Hikayat Pasai, Hikayat Abdullah, Pelayaran Abdullah, Hikayat Seri Rama** dan banyak lagi yang seumpamanya[5]. Berdasarkan minatnya yang mendalam dalam bidang kesusasteraan inilah lahirnya kecenderungan beliau untuk menulis.

Selain membaca dan menulis, Amir Hamzah juga gemar mendengar muzik, terutamanya yang berirama Arab. Menurut A.B Husny (1965 : 8), beliau menjadi penaung sebuah pancaragam gambus dan kumpulan ini diundang mengadakan persembahan di rumahnya sama ada seminggu sekali atau dua kali sebulan untuk menghiburkan hatinya dan keluarganya. Kumpulan ini menyampaikan lagu-lagu kasidah, lagu-lagu gambus dan tarian-tarian zapin.

Sebagai insan yang berjiwa seni, Amir Hamzah amat senang menikmati keindahan alam semula jadi yang mampu memberikannya ilham untuk berkarya. Antara tempat-tempat yang sering menjadi pilihannya ialah sawah padi, kawasan pergunungan, selain di tepian sungai dan paya (A.B Husny, 1965 : 8). Keindahan flora dan fauna inilah yang dilukiskan secara indah dalam puisi-puisi beliau. Antaranya seperti yang tergambar dalam puisi ***Teluk Jayakatera*** dan ***Berdiri Aku*** yang termuat dalam kumpulan teks **Buah Rindu.** Sentuhan jiwanya dalam melukiskan alam dapat dilihat dalam perikan sajak yang berikut:

Berdiri Aku

Berdiri aku di senja senyap,
Tjamar melayang menepis buih,
Melayah bakau mengurai punchak,
Berdjulang datang ubur terkembang....

(Amir, 1963 : 49)

Amir Hamzah juga dikatakan sangat berwibawa orangnya. Berkulit putih kuning dan bertubuh kecil, beliau suka tersenyum dan tidak pernah bermasam muka (A.B Husny, 1965 : 6). Beliau sangat berbudi bahasa dan bersifat merendah diri, meskipun berkedudukan tinggi dalam kerajaan. Amir Hamzah sangat disenangi oleh rakyat dan rumahnya tidak sunyi daripada kunjungan orang ramai, tidak kira rakyat jelata mahupun sasterawan Sumatera Timur dan yang datang dari daerah luar.

Selain itu, Amir Hamzah juga bersifat penurut, pemaaf, dan selalu mengalah. Ini jelas terbukti apabila beliau sanggup pulang ke Langkat dan memutuskan hubungannya dengan kekasihnya di Jakarta kerana menuruti kehendak keluarganya. Dalam kehidupan sehariannya, apabila timbul perkara yang tidak menyenangkan hatinya atau membangkitkan kemarahannya, beliau segera menghadap Allah dan membaca ayat-ayat suci al-Quran (A.B Husny, 1965 : 8). Tidak dapat dinafikan bahawa Amir Hamzah seorang yang amat cintakan perdamaian dan tidak sukakan kekerasan atau perbalahan.

Amir Hamzah juga digambarkan sebagai seorang yang amat pemurah dan berbelas kasihan orangnya. Beliau mudah bersimpati apabila melihat kesusahan orang lain dan tidak ragu-ragu menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukannya. Menurut A.B Husny (1965 : 10), jika terdapat pesalah-pesalah yang dikenakan hukuman denda itu mempunyai tanggungan yang banyak dan tidak berwang, beliau akan membayarkan denda tersebut. Bagaimanapun, Amir Hamzah tidak bertolak ansur dengan kesalahan membunuh, merompak dan berbohong.

Meskipun berpendidikan tinggi dan moden, Amir Hamzah seorang hamba yang tidak pernah mengabaikan kewajipannya sebagai seorang muslim. Beliau tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu dan

rajin mengaji al-Quran. Dikatakan jua, ketika dalam tahanan, beliau semakin mendekatkan diri dengan Tuhan dan tidak pernah melupakan kekasihnya, Allah Yang Maha Berkuasa (A.B Husny, 1965 : 22). Kecintaannya terhadap Tuhan telah mendorong beliau menghasilkan puisi-puisi yang bersifat ketuhanan. Ini selaras dengan penyataan Armijn Pane (1955 : 112) bahawa sikap keagamaannya itulah yang memberi corak kepada sajak-sajaknya, lebih-lebih lagi seperti yang termuat dalam naskhah **Nyanyi Sunyi.**

2.5 Dunia Penulisan Amir Hamzah

Berlatarbelakangkan minat dan kecenderungannya terhadap kesusasteraan Melayu Lama, Amir Hamzah mula menulis sejak di bangku sekolah sehinggalah ke saat-saat akhir hidupnya. Semasa di bangku persekolahan, Amir Hamzah mahir dalam ilmu karang-mengarang dalam bahasa Belanda dan sentiasa mendapat markah yang tertinggi dalam pelajarannya (**Tjatatan-Tjatatan tentang Amir Hamzah**, 1955 : 13). Buah tangannya yang terakhir ditulis semasa di dalam tahanan di Kuala Bingai merupakan untaian sajak yang berbunyi:

Wahai maut datanglah engkau
Lepaskan aku dari nestapa
Pada-mu lagi tempatku berpaut
Di saat ini gelap gelita.

(Amir Hamzah[6])

Amir Hamzah mula menulis pada tahun 1928. Sajak-sajak beliau mula muncul buat julung-julung kali dalam majalah ***Timbul*** (bahasa Indonesia) pada 15 Mac 1932, iaitu *Mabuk* dan *Sunyi*; diikuti oleh sajak berjudul *Hang Tuah* dan *Dagang* yang disiarkan pada 15 April 1932 dan *Harum Rambutmu* dan *Kenang-kenangan* pada bulan November tahun yang sama. Keenam-enam buah sajak tersebut kemudiannya dimuatkan di dalam kumpulan teks **Buah Rindu**.

Selepas itu, barulah sajak-sajaknya muncul dalam majalah ***Pandji Pustaka***, di bawah ruangan Sastera yang dikendalikan oleh Sutan Takdir Alisyahbana, pengasas Pudjangga Baru. Sajak-sajak awal Amir Hamzah dikatakan bersifat romantis, sesuai dengan usianya yang masih belasan tahun. Apabila Sutan Takdir Ali Syahbana menubuhkan Pudjangga Baru pada tahun 1933, Amir Hamzah turut menjadi pemimpinnya dan sajak-sajaknya mula tersiar dalam majalah tersebut.

Setelah bekerja, meskipun sibuk dengan tugas-tugasnya sebagai pegawai tinggi kerajaan, beliau masih terus berkarya. Menurut A.B Husny (1965 : 6), beliau terus menulis dalam majalah-majalah di Medan, iaitu ***Majalah Abad ke-20, Lukisan Dunia*** dan ***Majalah Ivoorno***; dan majalah-majalah di Jawa, seperti ***Majalah Pudjangga Baru, Panji Pustaka*** dan

Mimbar Indonesia. Jelas sekali bahawa kesibukan tugas bukanlah alasan untuk beliau melupakan dunia kesusasteraan yang amat dicintainya.

Menurut H.B Jassin (1969 : 7), sepanjang penglibatannya selama 14 tahun dalam dunia kesusasteraan, Amir Hamzah sempat menghasilkan sebanyak 160 buah tulisan. Buah tangan beliau merangkumi 50 buah sajak asli, 77 buah sajak terjemahan, 18 buah prosa liris asli, sebuah prosa liris terjemahan, 13 buah prosa asli dan sebuah prosa terjemahan. Tiga buah naskhah Amir Hamzah yang **Nyanyi Sunyi** (1937), **Setanggi Timur** (1939) dan **Buah Rindu** (1941). Meskipun karyanya tidak banyak, namun kehadirannya amat dirasai dan dihargai oleh para pencinta kesusateraan sehingga beliau digelar Raja Pudjangga Baru kerana sumbangannya yang begitu besar dalam lapangan kesusasteraan[7].

Kumpulan sajak yang termuat dalam **Buah Rindu** menghimpunkan 25 buah sajak yang ditulis antara tahun 1928 hingga 1935. Bagaimanapun usaha membukukannya hanya dibuat pada tahun 1941. Dalam **Buah Rindu** terserlah keromantisan jiwa penulis yang mengungkapkan pengalamannya dalam meniti usia remaja, termasuklah kesedihan jiwa yang dialaminya. Puisi-puisi beliau pada waktu itu banyak dipengaruhi oleh kesusasteraan Hindu, termasuklah dalam penggunaan ungkapan Dewa, Dewi dan Dewata yang digunakan bagi menggantikan perkataan Tuhan. Antara judul sajak

yang termuat dalam teks ini ialah *Chempaka, Chempaka Mulia, Purnama Raya, Buah Rindu (1, 11, 111 dan 1V), Kusangka, Tinggallah* dan *Tuhanku Apatah Kekal?*

Nyanyi Sunyi pula menghimpunkan 25 buah sajak, termasuk sebuah sajak pengantar [8]. Kumpulan sajak ini didapati lebih menjurus kepada aspek ketuhanan jika dibandingkan dengan **Buah Rindu**. Daripada 25 buah sajak, hanya sebuah sajak, iaitu ***Batu Belah*** yang lebih merupakan suatu naratif masyarakat. H.B Jassin (1969 : 7) menyatakan bahawa tanpa pengetahuan tentang sejarah dan agama, amat sukar memahami maksud puisi-puisi dalam Nyanyi Sunyi yang sarat dengan misalan dan perbandingan-perbandingan dari sejarah dan keislaman. Antara sajak yang merakamkan sejarah Islam ialah ***Hanya Padamu*** dan ***Permainanmu*** yang terdapat dalam naskhah **Nyanyi Sunyi.** Petikan sajak yang berikut contoh perlukisan sejarah oleh Amir Hamzah.

Hanya Satu

...Terapung naik jung bertudung
Tempat berteduh Nuh kekasihmu
Bebas lepas lelang lapang
Di tengah gelisah swara sentosa....

(Amir, 1969 : 18)

A.B Husny (1965 : 10) pula menegaskan bahawa ada sahabat Amir Hamzah di kalangan sasterawan yang menyamakan beliau dengan pujangga Arab yang tua-tua, yang ingin tenggelam dalam memuja Tuhan. Antara sajak dalam teks **Nyanyi Sunyi** yang sering menjadi topik perbincangan sarjana ialah *Padamu Jua.* Sajak ini dikatakan mengangkat nama Amir Hamzah sebagai penyair dekad 30-an yang sangat berwibawa. Petikan dua rangkap sajak tersebut menguatkan penyataan ini.

Padamu Jua

...Kaulah kandil kemerlap
Pelita jendela di malam gelap
Melambai pulang perlahan
Sabar, setia selalu

Satu kekasihku
Aku manusia
Rindu rasa
Rindu rupa....

(Amir, 1969 : 5)

Naskhah **Setanggi Timur** pula memuatkan 76 buah karya terjemahan sasterawan-sasterawan Parsi, India, China, Jepun dan Turki. Antara penyair tersebut ialah ahli tasauf Parsi yang terkenal, Omar Khayyam, penyair India yang terkenal dengan naskhah Bhagawad Gita, Rabinath Tagore, Li Tai Po, Shiwa Uko dan Ssadreddin (sekadar menyebut beberapa nama). Antara karya yang termuat dalam naskhah ini ialah ***Moga Diberi Allah*** (Omar Khayyam), ***Burung Jinak di Sangkarnya Liar di Rimba Raya*** (Rabinath

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A512525065

Tagore), ***Kalau Sebenarnya Hidup Hanya Mimpi*** (Li Tai Po), ***Ingin Ku Tahu di Padang Mana*** (Chi Yo), dan ***Adam Dibentuk Tuhan Dengan Embun Cinta*** (Ssaadreddin). Selain **Setanggi Timur**, puisi terjemahan Amir Hamzah yang terkenal ialah ***Bhagawad Gita***, yang disiarkan dalam majalah Pudjangga Baru.

Selain menghasilkan karya sastera, Amir Hamzah juga menulis artikel tentang kesusasteraan dan Sejarah Melayu, seperti yang termuat dalam majalah Pudjangga baru. Menurut catatan H.B Jassin (1969 : 19), antara hasil studi beliau ialah artikel tentang pantun (1935), Abdullah bin Abdulkadir Munshi (1933), Sultan Alauddin Riajat Sjah dari Abad XV1 Masihi (1933) , Raja Ketjil dari Abad XV11 Masihi dan kumpulan pidatonya yang kemudian dibukukan dengan tajuk Sastera Melayu Lama dan Raja-Rajanya.

2.6 Kesimpulan

Meskipun Amir Hamzah bukanlah penulis yang bersuara lantang seperti Alisjahbana, Armijn Pane ataupun Sanusi Pane, namun beliau tetap menjadi sanjungan kerana hasil penulisannya yang bernafaskan ketuhanan, kasih sayang sesama insan, kedamaian, kecintaan terhadap alam dan

kampung halaman. Sumbangan Amir Hamzah yang kecil tidak mengetepikan peranannya sebagai seorang penyair Pudjangga Baru yang mewakili zamannya dan disegani oleh sasterawan senegaranya, mahupun dari rantau Melayu khususnya. Tidak hairanlah jika H.B Jassin menganggap Amir Hamzah Raja Pujangga Baru sementara Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas menerima Amir Hamzah sebagai penyair yang melangsungkan aliran Hamzah Fansuri (Rahman Shaari, 1993 : 137).

Yang kurik itu kendi,
Yang merah itu saga;
Yang cantik itu budi,
Yang indah itu bahasa.

NOTA HUJUNG:

1 Ketika Amir Hamzah dalam kandungan, ayahandanya sedang membaca dan mempelajari buku-buku sejarah tentang orang-orang besar dan pahlawan Islam yang ternama, termasuklah **Riwayat Amir Hamzah.** Beliau berpesan kepada isterinya agar menamakan bayi mereka ***Amir Hamzah*** jika lelaki, dan ***Fatimah*** jika perempuan (A.B Husni, 1965 : 1).

2 Amir Hamzah dikatakan bercinta dengan gadis Jakarta ketika menuntut di Sekolah Hakim Tinggi, sedangkan beliau sudah bertunang dengan Tengku Kamaliah.

3 Kerajaan Langkat mempunyai tiga buah luhak, iaitu Langkat Hulu, Langkat Hilir dan Teluk Haru. Setiap luhak ini diperintah oleh Kepala Luhak yang bertindak sebagai wakil Sultan dengan gelaran Pangeran. Luhak-luhak itu pula dibahagikan kepada beberapa distrik (daerah) yang diketuai oleh Kepala Distrik atau Kejeruan yang mewakili Pangeran (rujuk A.B Husny, 1965: 5).

4 Turut sama terkorban ialah anggota jawatankuasa Pesindo, Pasukan Kelima dan dikatakan bahawa mayat mereka dipotong-potong sebelum dicampakkan begitu sahaja oleh puak ekstremis (ibid: 28). Akibatnya, amat sukar untuk ahli keluarga mangsa mengenali mayat-mayat mereka, termasuklah keluarga Amir Hamzah sendiri.

5 Penduduk Langkat kebanyakannya datang dari Siak, Kedah, Selangor, Petani dan beberapa daerah di Tanah Malaya, justeru Amir Hamzah dikatakan sudah sebati dengan bahasa Melayu (H.B Jassin, 1961 : 19).

6 Sajak ini dikatakan diberikan kepada pengawal yang menawal beliau semasa dalam tahanan tersebut (A.B Husny, 1965 : 25).

7 Chairil Anwar menegaskan bahawa puncak dalam gerakan Pudjangga Baru selama 9 tahun adalah Amir Hamzah dengan prosa-prosa liris, sajak-sajak lepas, dua ikatan sajak, iaitu **Buah Rindu** dan **Nyanyi Sunyi** dan salinan daripada beberapa sasterawan Timur yang ternama, yang disatukan dalam **Setanggi Timur** (H.B Jassin, 1961 : 6).

8 Judul 24 buah sajak tersebut dapat dilihat dalam Lampiran 8.